

15 APR 1997

Peniaga - Tindakan

TINDAKAN UNDANG-UNDANG DIAMBIL TERHADAP 2,741 PENIAGA

SHAH ALAM, 15 April (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil tindakan undang-undang terhadap 2,741 peniaga di seluruh negara kerana melakukan pelbagai kesalahan dari awal Januari hingga minggu lepas.

Timbalan Menteri Datuk S. Subramaniam berkata hasil tindakan itu, denda sebanyak RM114,880 dikutip manakala barangan bernilai lebih RM13 juta dirampas.

"Mereka ini didapati melakukan penyelewengan termasuk tidak meletakkan tanda harga dan menjual barangan kawalan dengan harga yang tinggi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel Pengguna Pelajar Sekolah-Sekolah Menengah di sini, hari ini.

Bengkel itu dianjurkan oleh pelajar-pelajar Kajian Sebaran Am, Institut Teknologi Mara (ITM), Shah Alam dengan kerjasama Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan sempena Hari Pengguna Sedunia 1997.

Katanya, dalam tempoh itu sebanyak 163,921 premis perniagaan telah diperiksa dalam beberapa operasi penguatkuasaan yang dijalankan dan dalam pemeriksaan itu seramai 2,068 peniaga lagi dikenakan kompaun berjumlah RM476,810.

Subramaniam juga berkata kementerianya telah memperuntukkan sejumlah RM2 juta untuk kempen anti inflasi melalui media cetak dan elektronik tahun ini.

Beliau berkata golongan muda termasuk pelajar telah dipilih sebagai kumpulan sasaran kempen anti inflasi tahun ini kerana merekalah yang akan memberi kesan kepada kempen itu di masa depan dan perlu disemai kesedaran dari awal.

Beliau juga meminta Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri supaya memberikan kerjasama sepenuhnya bagi menjayakan kempen galakan menabung peringkat nasional yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Disember lepas.

Katanya, untuk membendung inflasi dengan lebih berkesan lagi rakyat Malaysia hendaklah meningkatkan budaya menabung dalam tabung-tabung seperti Tabung Haji, Bank Simpanan Nasional, Amanah Saham Wawasan dan amanah saham lain. -- BERNAMA

KM WAT